



27 Oktober 2015  
27 October 2015  
P.U. (A) 255

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG (PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG) (PINDAAN) 2015

### *MONEY SERVICES BUSINESS (REMITTANCE BUSINESS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG 2011

PERATURAN-PERATURAN PERNIAGAAN PERKHIDMATAN WANG  
(PERNIAGAAN PENGIRIMAN WANG) (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 78(1), 39(1) dan 40(2) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [*Akta 731*], Bank, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Perniagaan Pengiriman Wang) (Pindaan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Oktober 2015.

**Pindaan peraturan 3**

2. Peraturan-Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang (Perniagaan Pengiriman Wang) 2012 [*P.U. (A) 71/2012*] dipinda dalam peraturan 3 dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) bagi transaksi pengiriman wang perniagaan kepada perniagaan, had transaksi keluaran harian untuk seorang pelanggan—

(i) tidak boleh melebihi suatu amaun agregat dua ratus ribu ringgit; atau

(ii) tidak boleh melebihi suatu amaun agregat yang diluluskan secara bertulis oleh Bank bergantung pada kes, yang tidak boleh melebihi lima puluh juta ringgit, berdasarkan penilaian Bank terhadap—

(A) kesediaan operasi, tahap pengawalan dan pengurusan risiko seseorang pemegang lesen; dan